



اوتورسيتي مليسيا شهق السلطان عبدالله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2025**

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

### **KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2025 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2025 di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Kementerian Kewangan sentiasa mengkaji keperluan untuk memberi beberapa kelonggaran tatacara dan peraturan perolehan bagi menyokong usaha Kerajaan merencanakan aktiviti ekonomi agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan dan seterusnya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat;

2.2 Kelonggaran telah mula diberikan mulai beberapa tahun yang lalu dan masih relevan untuk diteruskan bagi menyokong pertumbuhan dan merangsang ekonomi

negara ekoran ketidaktentuan ekonomi global serta usaha berterusan Kerajaan memacu kebijakan ekonomi; dan

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-61 Bil. 1/2025 pada 7 Februari 2025 bersetuju menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan PK2.21 yang dikemaskini 10 Januari 2025.

### **3.0 KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2025**

3.1 Kerajaan menetapkan kelonggaran pelaksanaan perolehan bagi tahun 2025 seperti berikut:

- (a) Pusat Tanggung Jawab (PTJ) dibenarkan untuk mepakej perolehan tahunan kepada pakej yang lebih kecil kepada kaedah sebutharga bernilai RM50,000.00 ke atas sehingga 31 Disember 2025;
- (b) Kaedah *requisition* secara undian bagi perolehan kerja adalah tidak dilaksanakan di UMPSA;
- (c) Mepakejkan perolehan daripada had nilai sebutharga kepada pembelian terus di bawah nilai RM50,000.00 adalah tidak dibenarkan;
- (d) Had nilai perolehan kerja bagi sebutharga dinaikkan daripada sehingga RM500,000.00 kepada sehingga RM1juta. Bagi had melebihi RM500,000.00 hingga RM1juta, syarat perolehan sebutharga ditetapkan seperti berikut:
  - (i) Kontraktor tempatan
  - (ii) Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 (negeri Pahang)
  - (iii) Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; dan
  - (iv) Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh(10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1.
- (e) Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti adalah melebihi RM50,000.00 sehingga RM1 juta bagi perolehan kerja sementara bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah kekal, iaitu melebihi RM50,000.00 sehingga RM500,000.00;

- (f) Tatacara taklimat tender/sebut harga/lawatan tapak bagi perolehan bekalan, perkhidmatan, perunding dan kerja adalah seperti berikut:
- (i) taklimat atau lawatan tapak boleh dilaksanakan secara fizikal, dalam talian atau hibrid;
  - (ii) jika taklimat tender dilaksanakan dalam talian, maklumat berkaitan spesifikasi/terma rujukan/brief projek berkenaan perlu jelas, dan terperinci untuk membantu syarikat yang menyertai sebut harga/tender memahami kehendak UMPSA; dan
  - (iii) UMPSA boleh memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat melawat sendiri kawasan atau tapak yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga/tender berkenaan. Lawatan tapak ini dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat serta mengetahui keadaan dan memperoleh maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga/tender.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat mulai **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025**. Bagi maksud pelaksanaan Surat Pekeliling ini, Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2025.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 28 Februari 2025.

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
  - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
  - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
  - 4) Ketua Pustakawan
  - 5) Penasihat Undang-Undang